

TAJUK KEEMPAT: KHALIFAH ALI BIN ABI THALIB (bahagian 1)

1. Jawap mengenai **peribadi Khalifah Ali bin Abi Thalib** dengan mengisi tempat kosong dengan jawapan yang disediakan di bawah.

602	'Abdul Muthalib	Hashim	32	Abdul Manaf
-----	-----------------	--------	----	-------------

Nama sebenar Khalifah 'Ali bin Abi Thalib ialah 'Ali bin Abi Thalib bin _____ bin _____ bin _____. Beliau dilahirkan pada tahun _____ masihi, iaitu _____ tahun selepas keputeraan Rasulullah Shallallahu Álaihi Wassalam.

2. Berikut merupakan keistimewaan Sayyidina Ali **KECUALI** :
- (a) Bersifat alim, wara', bijaksana, berani, gagah dan cekap bermain pedang.
 - (b) Beliau tangkas menunggang kuda.
 - (c) Beliau cekap bermain pistol.
3. Susun semula cara perlantikan Khalifah 'Ali bin Abi Thalib di bawah dengan betul.

1

Pada mulanya beliau menolak kerana takut dikatakan bersubahat dengan pemberontak yang membunuh Khalifah 'Utsman.

2

Setelah Khalifah 'Utsman dibunuh pada tahun 35 hijrah, mereka menemui Sayyidina Ali supaya menjadi khalifah.

3

Setelah menjadi khalifah, beliau memindahkan pusat pemerintahannya ke Kufah kerana keadaan di Kufah lebih tenang dan aman.

4

Tetapi dengan sokongan kuat penduduk Madinah akhirnya Sayyidina Ali bersetuju menjadi khalifah

4. Susun kotak-kotak di bawah ke tempat kosong yang disediakan mengenai **Perang Jamal**.

unta	pemberontak	Jamal	marah
munafiq	Islam	Talhah	Basrah
pembunuhnya	tuntutan	Aisyah	Madinah
	36	Ali	

Pembunuhan Khalifah 'Utsman menyebabkan keluarga beliau (Bani Umaiyah)
terhadap Khalifah Ali kerana tidak mengambil tindakan ke atas Mereka
menuduh Sayyidina Ali bersubahat dengan .

Khalifah Ali menghantar tentera beliau ke untuk mencari penyelesaian
secara damai dengan tentera Sayyidatina bersama
bin Ubaidillah dan Zubair bin Al-Awwam.

Khalifah bersetuju dengan Sayyidatina Aisyah supaya pembunuh
Sayyidina 'Utsman dihukum menurut undang-undang .

Namun dengan hasutan orang-orang yang terdiri daripada orang-orang
Yahudi, maka berlaku peperangan di antara tentera Khalifah dengan
tentera Sayyidatina Aisyah pada tahun hijrah bersamaan 656 masihi.

Peperangan ini dimenangi oleh tentera Ali dan Sayyidatina Aisyah dihantar kembali
ke .

Peperangan ini dikenali dengan perang kerana kaki
kenderaan Sayyidatina Aisyah telah dipotong oleh tentera Sayyidina Ali.